



Sultan menyeru supaya ibu bapa

## X MENGHANTAR ANAK2 MEREKA KA-SEKOLAH

IBU bapa penduduk Kampong Kupang ada-lah di-seru supaya men-  
gambil berat dan usaha bagi menghantar anak2 mereka nasok  
bersekolah. Demikian antara lain titah Sultan tatkala ber-  
titah dalam satu kunjongan Hari Raya baginda ka-Kampong Ku-  
pang, Batu 15, baharu2 ini. Saterus-nya baginda bertitah  
menegaskan bahawa anak2 itu akan menjadi rakyat ber g u n a  
serta ta'at setia kepada Keraja'an dan negeri-nya.

Kunjongan Hari Raya Sultan ini ada-lah atas memumikan  
jemputan anak2 Kampong Kupang yang tidak berpeluang men-  
ziarahi baginda di-Istana pada Hari Raya itu di-sebabkan  
beberapa kesulitan; terutama bagi pehak orang tua yang dza-  
'if dan pehak kaun ibu.

Baginda memperkuat titah berharap senoga ketenteraman  
dalam kampong itu akan saterus-nya di-pelekhara dan ini men-  
ang-lah hasil dari kerjasama penghuni2-nya.

\*\*\*\*\*  
\* Gabongan HARI IBU BAPA Sekolah2  
\* Melayu SMJA, RIF dan SMLM akan  
\* di-adakan berturut2 pada 17 dan  
\* 18hbl. May, 1958.  
\*\*\*\*\*

Ibu bapa dan juga orang ramai  
ada-lah dengan ini di-jemput  
hadzir menyaksikan tanasha2 ini.

### PEREDARAN-PEREDARAN TEMASHA

17 hbl. May - Perlunba'an pera-  
hu dari jam 2.00  
petang.

- Temasha malan da-  
ri jam 8.00 na-  
lan.

18 hbl. May - Pertunjokkan Dal-  
an terbuka kepada  
ramai dari j a m  
9.00 pagi.

- Permainan Padang  
dari jam 2.00 pe-  
tang.

- Temasha malan da-  
ri jam 8.00 na-  
lan.

Baginda juga mena-  
sehatkan supaya anak2  
kampong berusaha deng-  
an bersungguh2 (dalam  
perusaha'an berchuchok  
tanam dan berterenak  
hidupan2.

Dalam menutup titah,  
baginda berdo'a senoga  
Allah kurniakan dengan  
aman sentosa dan akan  
bertemu lagi pada Hari  
Raya Aidil Fiteri ta-  
hun hadapan.

Che'gu Abd. Wahab  
atas nama orang2 kan-  
pong itu, tatkala ber-  
uchap mengatakan beta-  
pa besar hati mereka  
dan perasa'an megah  
atas sudi-nya Tuanku  
berchemar diri memper-  
kanajemputan rakyat  
yang walau tempat-nya  
mungkin kunjong susah  
hendak di-datangi.



## PESAWAT TERBANG BARU BORNEO AIRWAYS SUDAH SAMPAI DI-BRUNEI

Dua buah pesawat terbang jenis "Twin Pioneer" kepunya'an Borneo Airways Limited sudah sampai di-sini baharu2 ini.

Pesawat2 terbang itu sudah akan mula di-gunakan untok penumpang2 bersama2 dengan pesawat2 terbang yang kechil jenis "De Havilland Rapide" yang sudah pun di-gunakan oleh Borneo Airways dalam layanan2-nya di-tempatan sejak beberapa waktu dahulu.

Pesawat terbang jenis "Twin Pioneer" itu boleh memba-wa penumpang2 sabanyak 16 orang.

### BALEK SALEPAS BERTOLAK BERCHUTI

Delapan belas orang penuntut2 Sekolah Arab Al-Junid, Singapura telah berangkat ka-Singapura dengan kapal laut dari Brunei pada pagi 12hbl. May yang lalu, salepas menyempurnakan chuti sekolah mereka selama dekat dua bulan.

Tiga orang dari mereka itu ia-lah penuntut yang baru yang telah berjaya memasoki pereksa'an untok masok belajar di-sekolah tersebut. Mereka2 itu ia-lah: Abdul Mokti bin Mohammad Daud, dari SMJA; Mohammad Murad bin Abang Ali, dari Kuala Belait dan Bolhassan bin Mohammad Jair, juga dari SMJA.

### KEMALANGAN KAPAL TERBANG ---

Sa-buah daripada kapal2 terbang Borneo Airways jenis Rapide telah mendapat sedikit kerosakan apakala satu dari rudanya pechah waktu hendak mendarat di-Lapangan Terbang Brunei.

Demikian di-fahamkan dari Sharikat Borneo Airways.

Kemalangan itu telah berlaku pada 13hbl. May yang baharu lalu ini.


Ketika kapal terbang itu hendak mendarat satu dari rudanya telah pechah yang menyebabkan kapal itu berundor ka-tepi dan berhenti di-atas munchong-nya.

Tidak ada kemalangan berlaku kechuali atas diri badan kapal terbang itu sahaja.

Kapal terbang itu telah di-pindahkan dari tempat ia di-timpa kemalangan itu petang itu juga kira2 pukul 5.00, apabila Jurutera-nya tiba.

Perkhidmatan yang di-jalankan oleh kapal terbang yang mendapat kemalangan itu di-teruskan oleh "Twin Pioneer".





#### PESAWAT TERBANG BARU BORNEO AIRWAYS

GAMBAR ATAS: Lambang kapal2 terbang kepunya'an Borneo Airways Ltd. Di-tengah2 ia-lah Panji2 Brunei, di-sabelah kiri Panjai2 Sarawak dan di-sabelah kanan Panji2 Borneo Utara.

GAMBAR BAWAH: Sa-buah daripada kapal2 terbang Borneo Airways tatkala mendarat di-Padang Kapal Terbang Brunei baharu2 ini.

(lihat berita lanjut-nya di-lambaran lain)



## X RAJA ISTERI MEMBUKA SEKOLAH

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri akan melangsungkan pembuka'an resmi Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei hari ini.

Pembuka'an akan di-langsungkan pada jam 10.00 pagi, dan di-fahamkan DYMM Sultan akan juga ikut serta dalam istiadat itu menemani Raja Isteri.

-----

## KURSUS2 JURURAWAT

Satu kursus latehan untok penolong2 Jururawat akan akan di-mulakan pada 9hbl. June, 1958 akan datang ini. Kursus ini akan mengamb-  
bil masa selama 2 tahun.

Perempuar2 yang muda dalam negeri ini ada-lah di-galakkan supaya mengambil bahagian dalam hal juru-  
rawat dan memasoki peluang yang di-berikan ini.

Sharat2 untok memaso-ki peluang ini tidak bagitu ketat, tetapi sa-siapa yang hendak memasoki-nya mahu-  
lah satidak2-nya lulus da-  
lam darjah lima dalam baha-  
sa Inggeris dan berumur di-  
antara 18 dan 25 tahun.

Kenyata'an yang lanjut boleh-lah berurus langsung atau berhubung dengan Matron di-Rumah Sakit Kerajaan, di-Bandar Brunei.

## MELEHAT BANDAR BRUNEI DARI UDARA

Sepuluh orang pendu-  
dok di-Bandar Brunei telah dapat berpeluang melihat keindahan Bandar Brunei dari udara, apakala berpeluang  
menaiki sa-buah daripada ka-  
pal2 terbang "Twin Pioneer"  
kepunya'an Borneo Airways  
pada 12hbl. May yang lalu  
ini.

Mereka2 itu ia-lah Yang-Berhormat Pehin Laksa-  
mana, Yang Berhormat Che'gu  
M sal, Yang Berhormat Pe-  
ngeran M. Yusuf, Mr Ong Kim-  
Kee, Yang Amat Mulia Penger-  
an Kerma-Indera, Mr Butcher,  
Mr Smith, Mr Ang Swee Boon,  
Mr Lim Koon Boon dan Yang  
Mulia Tunku Mohammad.

Peluang ini telah di-  
berikan khas kepada nama2.  
yang termaklum untok mera-  
sai penerbangan yang di-laku-  
kan oleh kapal terbang jenis  
"Twin Pioneer" selama kira2  
lima belas minit.




-----

## ROMBONGAN HAJI YANG AKHIR

Rombongan Haji yang  
terakhir bagi tahun ini te-  
lah bertolak ka-Singapura  
dengan kapal Sultan pada  
pagi 5hbl. May, 1958.

Rombongan Haji yang  
terakhir ini terdiri sabanyak  
44 orang, mengandongi laki2  
dan perempuan.







## KAPAL TERBANG BORNEO AIRWAYS DI-BELI DARI SCOTLAND

Satu daripada-nya tiba di-Brunei pada 30hbl. April

Satu daripada dua buah kapal2 terbang kepunya'an Borneo Airways yang di-beli dari Negeri Scotland telah tiba di-Bandar Brunei pada 30hbl. April, 1958 kira2 jam 12.30 tengah hari.

Kapal2 terbang itu ia-lah jenis Twin Pioneer, di-beli bersama2 oleh Kerajaan2 Brunei, Borneo Utara dan Serawak, untok di-jadikan pengangkutan penumpang2 di-antara ketiga2 daerah Borneo British. Tiap2 buah dapat membawa sebanyak 16 orang penumpang2.

Kapal2 terbang ini telah bertolak dari lapangan Terbang Hurn di-England pada 16hbl. April dan telah tiba di-Labuan pada 29hbl. April. Dalam perjalanan-nya itu ia telah singgah di-beberapa lapangan terbang.

Kapal2 terbang jenis De Havilland Rapide yang sudah pun di-gunakan oleh Borneo Airways akan terus berkhidmat seperti biasa.

Ketika di-so'al bagaimanakah keadaan perjalanan kapal terbang itu dari England ka-Labuan dan terus ka-Brunei, Captain Nicholls menjawab bahawa sepanjang perjalanan-nya di-dapati tidak ada apa2 kegendala'an telah berlaku. Semua-nya berkeada'an baik, kata-nya lagi.

Captain Nicholls telah di-temui oleh Jurutera Yeo Choi On menakala yang sa-buah lagi jenis Twin Pioneer iru datang mendarat di-lapangan terbang itu. Kapal terbang ini telah di-pandu oleh Captain T. Hope dengan di-bantu oleh W. Nimmo.

Kedua2 kapal terbang jenis Twin Pioneer ini di-datangkan dari Sharikat Kapal Terbang Scottish.

-----

## PENYIASATAN BERKENA'AN PENIMBAKKAN DI-JALAN

T A S E K --

|                                                                                                                                                                                                                                     |                                        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|
| Penyiasatan telah di-jalankan oleh pihak Kerajaan mengenai satu peristiwa yang telah berlaku, apabila Peter Govilon telah menimbak 5 orang mati dan sa-orang terchedera dan sasudah itu membunuh diri dengan senapang yang di-guna- | kan-nya menimbak 5 orang itu.          |
|                                                                                                                                                                                                                                     | Perkara ini telah di-bawa ka-Mahkamah. |



## ISTERI PETER GOVILON DI-HADAPKAN KA-MAHKAMAH, DI-SIASAT

Berturut-turut pada hari Ithnin dan Thalatha, ia-itu pada 12 dan 13hb1. May yang lalu ini telah di-hadapkan ka-Mahkamah di-Bandar Brunei beberapa orang saksi2, yang termasuk antara-nya isteri Peter Govilon sendiri, Madam Bibiana Longine, yang berthabit dengan penimbakan yang telah di-lakukan oleh Peter Govilon keatas 6 orang pemuda2 tatkala melimpasi rumah-nya pada petang 6hb1. April yang lalu. Salepas beroleh enam orang mangsa itu Peter telah menimbak diri-nya sendiri dan mati akibat perbuatan-nya itu.

Dalam kesimpulan penyiasatan berkenaan penimbakan di-Jalan Tasek itu, yang telah di-perdengarkan di-hadapan tuan Hakim R.G.P.N. Combe, maka ini ada sangkut paut-nya dengan Peter sendiri.

Isteri Peter yang telah balek ka-Jesselton dua hari salepas penimbakan itu terjadi, telah di-panggil oleh Kerajaan Brunei kerana menjalankan penyiasatan2 tersebut.

### DATANG DAN PERGI --

Yang Mulia Tengku Mohammad bin Tengku Ahmad Temenggong, chuchu kapada Sultan Johore yang ada sekarang ini telah selamat sampai di-Bandar Brunei dari Singapura dengan kapal laut pada petang 6hb1. May, 1958. Beliau telah di-temani oleh isteri dan empat orang anak-nya.

Kedatangan beliau ka-Brunei ialah kerana menjawat jawatan sabagai tukang gambar di-Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei.

Sementara itu, Inche' Kamaluddin bin Haji Abu Bakar, tukang gambar Kerajaan di-Jabatan Penerangan Brunei, akan bertolak ka-Singapura dalam perjalanan-nya ka-Kuala Lumpur pada 19hb1. May akan datang ini, dengan kapal (laut) Kerajaan ka-Labuan. Dari Labuan Inche' Kamaluddin akan bertolak ka-Singapura dengan kapal KINABALU, dan dari Singapura dengan kereta api.

Kepergian Inche' Kamaluddin ialah kerana memperdalam pengetahuan-nya dalam hal ehwal penggambaran atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Beliau akan berada di-Kuala Lumpur di-Sharikat Malayan Film Unit selama 6 bulan.

Dalam Persekutuan Murid-Murid Tua Melayu Brunei, Kamaluddin telah di-pilih sabagai Setia Usaha Penerangan.



PERTUNJOKAN TANAM2AN -

Pertunjokan tanam2an  
seluruh Negeri Bornei akan  
di-langsungkan pada hari  
Jumat 2hbl. August, 1958.

Pertunjokan itu akan  
di-bahagikan kepada 10 ba-  
hagian; di-antara-nya  
ia-lah hadiah2 yang di-  
anugerahkan oleh DYMM  
Maulana Al-Sultan untuk  
barang2 yang di-buat da-  
ri perak dan tembaga,  
tenunan kain benang emas  
dan lain-nya.

SULTAN DO'AKAN PGG

Duli Yang Maha Mulia  
Sultan, ketika menyampai-  
kan titah baginda dalam  
Majlis Pembuka'an resmi  
Mashuarat Arong Persekutu-  
an Guru-Guru Melayu Brunei  
yang telah berlangsung pada  
3hbl. May yang lalu bertem-  
pat di-Dewan Sekolah Melayu  
Raja Isteri Fatimah, telah  
menyatakan bahawa baginda  
faham yang guru2 itu seka-  
lian telah banyak menumpu-  
kan tenaga dan buah fiki-  
ran dalam hal ehwal pela-  
jaran pendidikan anak2  
Melayu dalam Negeri Brunei  
dan tidak-lah dapat di-  
nafikan bahawa pelajaran  
dan pendidikan itu telah  
beransor2 meningkat ka-  
darjah yang tinggi.

Tindakan yang baik itu,  
sambong baginda, sudah ten-  
tu rakyat jelata dalam neg-  
eri ini berasa bangga dan  
puas hati serta di-perhar-  
gakan pula.

Saterus-nya baginda menyata-  
kan bahawa dengan perbuatan gu-  
ru2-lah yang menyebabkan ibu  
bapa kanak2 di-sagenap lubok  
dan rantau sedar dan mengerti  
akan maksud dan guna pelajaran  
bagi anak2 mereka. Kerana pe-  
lajaran-lah, sambong baginda,  
suatu perkara yang sangat mus-  
tahak bagi kemajuan dan kemak-  
muran sa-sa-buah negeri.

Antara titah baginda dalam  
permashuaratan itu, baginda  
mengucapkan tahniah dan mena-  
roh penghargaan'an yang tinggi  
atas tenaga dan usaha2 yang  
bermutu dan bersemangat mulia  
yang di-tunjokkan oleh guru2  
itu.

Dalam menutup titah, baginda  
mengatakan yang ia-nya akan  
sentiasa berdo'a semoga Perse-  
kutuan Guru-guru Melayu Brunei  
yang sentiasa bertujuan baik  
dan mulia itu akan berkekalan  
salama2-nya.

SULTAN BUKA BANK BAHARU

Duli Yang Maha Mulia Sultan  
telah dengan resmi-nya membuka  
chawangan Chartered Bank di-  
Bandar Brunei pada petang 3hbl.  
May, 1958.

HARI IBU BAPA SEKOLAH OKSB

Dalam Mashuarat Hari Ibu  
Bapa bagi Sekolah Melayu  
Orang Kaya Setia Bakti, Kil-  
anas yang berlangsung pada  
10hbl. May yang lalu di-  
Sekolah Melayu OKSB itu, ma-  
shuarat itu telah memutus-  
kan bahawa Hari Ibu Bapa  
sekolah itu akan di-adakan  
pada 7 dan 8hbl. June yang  
akan datang ini.